

Headline	Demonstrasi kelas masa depan di Festival Hari Guru 2014		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	12 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	25	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	167 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,301
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,902



## Demonstrasi kelas masa depan di Festival Hari Guru 2014

DEMONSTRASI suasana pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas pada masa depan akan menjadi tarikan utama Festival Hari Guru 2014 yang diadakan sempena sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur dari 14 hingga 16 Mei ini.

Orang ramai dijemput untuk menyaksikan kaedah dan proses PdP berbantuan teknologi itu yang tidak memerlukan pelajar berada di kelas. Guru dan murid boleh berinteraksi menggunakan peranti tertentu walaupun di lokasi yang berjauhan.

Bukan itu sahaja, penaja utama festival, Bank Simpanan Nasional (BSN) akan melancarkan satu kempen baru untuk kad kredit 1Teacher's Card yang menawarkan pelbagai hadiah menarik. Pada masa sama, BSN akan menyampaikan hadiah kepada Pemenang Impian Tunai Kad Kredit 1Teacher's Card 2013.

Utusan Malaysia untuk kali keenam berturut-turut sejak 2009, dilantik oleh Kementerian Pendidikan untuk menganjurkan Festival Hari Guru ini.

Selama tiga hari itu pelbagai aktiviti menarik disediakan antaranya penampilan istimewa watak animasi popular, Upin & Ipin, persembahan kebudayaan, pameran dan jualan produk.

Slot ramah mesra bersama Upin & Ipin akan berlangsung pada jam 5 petang 14 Mei dan jam 3 petang 15 Mei di tapak pameran Festival di Dewan Tun Razak 3.

Pada hari pertama juga akan diadakan pertandingan mewarna yang terbuka untuk murid prasekolah dan sekolah rendah bermula jam 3 petang. Selepas itu, diadakan program Pencetus Ummah bersama Salman dan Rahmat.

Hari berikutnya, juara *Idola Kecil 4*, Fifa akan membuat persem-

bahan khas pada jam 5.30 petang dan diikuti oleh kemunculan maskot watak siri animasi baharu, *Supersquad* iaitu Kapten Denny dan Elly.

Festival ini turut mendapat tajaan daripada Petronas, Yayasan Pendidikan Cheras, Tabung Haji, Dutch Lady, Faber Castell, Bernas, Unitar, Seri Pacific Hotel, Sunway Putra Hotel dan UDA Holdings Berhad.

Sumbangan turut diterima dari pada Jabatan Penerangan Malaysia dan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN).

Sepanjang festival itu, pengunjung akan diberi naskhah percuma akhbar *Utusan Malaysia* yang ditanja oleh Yayasan Wilayah Persekutuan dan Yayasan Pelajaran MARA.

Selain itu, guru yang menghadiri majlis sambutan Hari Guru di Dewan Merdeka pada 16 Mei akan mendapat naskhah akhbar *Tutor* sama ada UPSR, PT3, SPM, English atau Junior secara percuma.



UPIN dan Ipin akan membuat penampilan istimewa di Festival Hari Guru 2014 di PWTC, Kuala Lumpur pada 14 dan 15 Mei ini.